

24/05/1997

Dr M yakin negara tidak alami ekonomi lembap

CONVENTRY (London), Jumaat - Perdana Menteri yakin negara tidak akan mengalami kelembapan ekonomi sehingga menjejaskan matlamat untuk menjadikan Malaysia negara membangun menjelang tahun 2020.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ekonomi negara mencatatkan kadar pertumbuhan purata lapan peratus setahun sejak sembilan tahun lalu dan hanya perlu kekal pada kadar tujuh peratus untuk tempoh 20 tahun akan datang bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Katanya, jika negara mampu mencatatkan pertumbuhan enam peratus setahun dengan bergantung terutamanya kepada getah dan bijih timah lebih 20 tahun lalu, tiada sebab kepelbagaian ekonomi dinamik sekarang tidak mampu membawa negara mencapai matlamat itu.

"Kita tidak peduli dengan analisis itu kerana tahu apa yang kita buat. Kita telah mengalaminya (kelembapan ekonomi) dan tahu cara untuk mengendali serta mengatasinya," katanya kepada kira-kira 400 pelajar Malaysia di Universiti Warwick, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, apabila defisit negara tinggi pada 1995, ada penganalisis luar mencadangkan Malaysia memperlahankan ekonomi pesatnya untuk mengelakkan kejadian buruk yang pernah berlaku kepada ekonomi Mexico.

(END)